

5 MAR 1996

Mahathir - Ahli

UMNO PERKENAL KEAHLIAN SEUMUR HIDUP

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini membuat keputusan memperkenalkan keahlian seumur hidup bagi mengelak masalah kutipan dan pembayaran yuran tahunan di kalangan anggotanya.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, parti itu akan mengadakan Perhimpunan Agung Khas tahun depan untuk meminda Perlembagaan UMNO bagi membolehkan pelaksanaan keahlian seumur hidup bersama-sama beberapa pindaan lain yang bertujuan memperbaiki kelemahan yang ada.

"Kita belum tentukan lagi banyak mana yang dia perlu bayar tetapi yang jelas ialah untuk mengadakan ahli seumur hidup ini kita perlu adakan pindaan perlembagaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT hampir tiga jam di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Katanya, Perhimpunan Agung Khas itu tidak boleh diadakan tahun ini kerana UMNO kesuntukan masa berikutan beberapa agenda besar seperti sambutan ulangtahun ke-50 UMNO dan pemilihan parti Oktober ini.

Menurut beliau, Jawatankuasa Sementara parti yang ditubuhkan bagi mengkaji keseluruhan Perlembagaan UMNO juga perlu diberikan masa untuk mengkaji dengan mendalam perkara itu serta perkara-perkara lain sebelum cadangan pindaan dibentangkan.

Dr Mahathir berkata, dengan pengenalan keahlian seumur hidup itu bermakna seseorang anggota hanya perlu membayar yuran sekali sahaja.

Katanya, cara itu dapat menyelesaikan masalah anggota tidak membayar yuran sehingga Umno sendiri boleh menghadapi masalah jika mereka yang tidak membayar yuran melibatkan diri secara langsung, termasuk mengundi, dalam mesyuarat agung cawangan, persidangan bahagian dan perhimpunan agung parti.

"Ramai juga tak bayar yuran. Ada kalanya dia nak bayar tapi (cawangan dan bahagian) tak nak terima dan macam-macam lah," katanya ketika ditanya mengenai bilangan anggota Umno yang tidak menjelaskan yuran tahunan masing-masing sehingga parti itu terpaksa memperkenalkan keahlian seumur hidup.

Katanya, soal pembayaran yuran juga kadang-kala dijadikan senjata oleh golongan tertentu untuk menghapuskan anggota yang menjadi musuh mereka.

Bagaimanapun, beliau berkata, keahlian seumur hidup tidak bermakna seseorang anggota tidak boleh digantung keahlian atau dipecat jika melanggar disiplin parti.

Dr Mahathir berkata, sementara menunggu perlembagaan parti itu dipinda, Umno akan memastikan masalah kutipan yuran di kalangan anggota berjalan lancar.

Katanya, mana-mana anggota yang menghadapi masalah membayar yuran di peringkat cawangan dan bahagian boleh membuat pembayaran di ibu pejabat parti.

Pada masa yang sama, mana-mana ketua cawangan dan bahagian yang enggan menerima yuran anggota tanpa sebab munasabah akan dikenakan tindakan, katanya.

Beliau juga berkata Jawatankuasa Sementara parti yang ditubuhkan bagi mengkaji Perlembagaan Umno akan mengadakan mesyuarat kedua tidak lama lagi.

"Kita tidak menetapkan jadualnya tetapi kita akan cuba mengkaji secepat mungkin. Kita tah mahu gopoh sangat," katanya. -- BERNAMA

AH NMO